

Komitmen Google, Alphabet lancarkan transisi teknologi

Kerjasama teknologi dan AI buka peluang kerja sektor kesihatan, pendidikan, pertanian

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen pelaburan syarikat gergasi teknologi, Alphabet Inc (Alphabet) dan Google ke Malaysia akan membuah hasil, terutama bagi melancarkan perancangan transisi teknologi negara serta pewujudan peluang pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, usaha itu diharap dapat dijayakan susulan persidangan secara maya beliau bersama Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat semalam.

“Perbincangan kami turut menyetujui kepentingan kerjasama dan dukungan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) terkait sektor pendidikan, kesihatan dan pertanian.

“Saya tegaskan bahawa iktiar ini akhirnya perlu membawa manfaat ekonomi dan sosial yang menyeluruh tanpa meninggalkan mana-mana kelompok masyarakat, terutama dari segi literasi teknologi,” katanya di Facebook.

Pada persidangan maya itu, Perdana Menteri berkata, Ruth memaklumkan kemajuan rangka tindakan bidang yang boleh diperluas syarikatnya di Malaysia

berdasarkan penerangan terdahulu terkait misi dan tumpuan kerajaan Malaysia.

Kepantasan pemudah cara

“Alphabet dan Google amat mengalu-alukan kepimpinan, komitmen dan kepantasan pemudah cara yang sudah diberikan Kerajaan Malaysia sejak pertemuan lalu,” katanya memaklumkan sesi persidangan maya itu diadakan susulan pertemuan mereka di Amerika Syarikat (AS) tahun lalu.

Minggu lalu, Anwar mengumumkan pelaburan tambahan RM10.5 bilion dibuat gergasi teknologi, Microsoft dalam tempoh empat tahun akan datang, pelaburan terbesar pada satu-satu masa oleh syarikat itu selepas bertapak selama 32 tahun di Malaysia.

Komitmen itu disampaikan kepadanya ketika pertemuan bersa-

ma Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft, Satya Nadella serta delegasi di Putrajaya.

Pelaburan berterusan Microsoft Corporation di Malaysia, termasuk terbaharu Alphabet dan Google secara langsung menyerlahkan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan digital utama dengan ekosistem menarik bagi syarikat yang ingin menubuhkan operasi di rantau ini.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam kenyataan sebelum ini menyatakan komitmen teguh Malaysia terhadap infrastruktur digital meletakkan asas yang kukuh ke arah usaha melaksanakan pendigitalan.

Komitmen ini disokong sejumlah besar pelaburan digital yang diluluskan, iaitu RM144.7 bilion dari 2021 hingga 2023, termasuk RM114.7 bilion diperuntukkan kepada infrastruktur.